

SELASA, 14 OKTOBER, 1980

Pembangunan luar bandar

BERIKUTAN dengan lawatannya ke Korea Selatan baru-baru ini, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir, telah menyatakan bahawa kejayaan pergerakan saemaul (komuniti baru) di negara tersebut telah menarik perhatian beliau dan mencadangkan supaya konsep ini dipinjam dan diubahsuaikan untuk meningkatkan lagi kadar pencapaian program pembangunan luar bandar negara. Sebenarnya cadangan beliau ini memang patut sekali diberikan perhatian, terutamanya oleh pemimpin-pemimpin dan perancang-perancang pembangunan negara.

Kejayaan pergerakan saemaul Korea ini adalah sesuatu yang telah diketahui oleh banyak negara. Dan bukan sedikit pula masyarakat dunia yang telah tertarik hati dengan kejayaannya dan akan meminjam untuk melaksanakannya. Yang amat mengkagumkan ialah pergerakan komuniti baru ini telah dapat mengubah secara menyeluruh corak dan kualiti kehidupan masyarakat luar bandar, dan bandar, Korea dalam tempoh kurang dari satu dekad. Dilancarkan dalam tahun 1971 pergerakan ini dengan berasaskan kepada prinsip-prinsip kegigihan, kerjasama dan berdikari — tiga nilai yang sering terdapat di dalam hampir setiap masyarakat tradisional — telah berjaya bukan sahaja memperbaiki secara dramatik sekitaran 35,000 'kampung' tetapi juga mempertinggi taraf hidup penduduk-penduduknya. Dalam tempoh yang sama, menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, purata pendapatan keluarga tani di negara itu telah bertambah berlipat kali ganda hingga mencapai angka lebih kurang M\$18,000 setahun. Di samping pembangunan-pembangunan fizikal yang telah dihasilkan seperti sistem perhubungan jalan raya yang lebih lengkap dan kualiti rumah yang lebih sempurna, pergerakan saemaul ini juga telah berjaya menempa semangat dan nilai kerja yang lebih gigih dan memperkuat kecenderungan ahli-ahli masyarakat luar bandarnya untuk menyimpan dan menjalin kerjasama ekonomi dan sosial yang lebih rapat dan kekal. Satu perkara lagi yang menarik perhatian ialah kejayaan pergerakan ini meningkatkan purata pendapatan keluarga tani dari tahun ke tahun sehingga lanya dapat menandingi pendapatan keluarga bandar.

Dalam konteks mencapai objektif membasmi kemiskinan di kalangan masyarakat tani di negara ini dan memandangkan keperluan untuk mengurangkan jurang perbezaan di antara purata pendapatan bandar dan luar bandar faedah melaksanakan konsep pembangunan ala saemaul Korea ini adalah nyata. Cuma diharapkan perancangan dan pelaksanaannya akan mendapat sambutan dan kerjasama yang tidak kurang hangatnya dari masyarakat luar bandar kita. Falsafah saemaul ialah pembangunan oleh rakyat untuk rakyat.